

PM tidak perlu sahut cabaran Pas — Najib

UM - 9 SEP 2004

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak perlu menyahut cabaran Pas kerana Malaysia telah pun memiliki sembilan ciri yang diperlukan sebagai negara Islam.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, antaranya ialah kejayaan memartabatkan umat Islam, peluang beramal ibadat secara aman dan kemudahan prasarana yang disediakan kepada umat Islam.

Menurut beliau, kesemua ciri tersebut pernah disebut oleh ulama besar. Syeikh Mohd. Yusof Qardhawi & beberapa ilmuwan dari Universiti Al-Azhar, Mesir.

"Mereka mengcsahkan bahawa Malaysia merupakan negara Islam berdasar sembilan ciri yang dikemukakan oleh mereka," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Beliau mengulas cabaran Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang mahu Dr. Mahathir mengumumkan secara rasmi di Parlimen bahawa Malaysia sebuah negara Islam.

Mengulas lanjut, Najib berkata, mengikut pandangan ulama-ulama besar tersebut, Malaysia berjaya melaksanakan undang-undang Islam secara berperingkat-peringkat walaupun tidak sepenuhnya.

"Kita terpaksa melaksanakannya secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan berdasarkan suasana ma-

syarakat di negara ini," katanya.

Menurut Najib, konsep negara Islam yang telah dipraktikkan oleh UMNO sering tidak menepati kehendak Pas.

"Sebaliknya mereka mahu Malaysia menjadi sebuah negara Islam ala-Pas, bukan negara Islam sejati," jelasnya.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Rais Yatim ketika bercakap di Jelebu berkata, tidak timbul soal kerajaan Barisan Nasional (BN) perlu mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam seperti yang dicabar oleh Pas.

Menurut Rais, Perkara 3 dan 11 dalam Perlembagaan Persekutuan telah cukup jelas memperkatakan hal berkenaan, malah Islam telah terpelihara sebagai agama rasminya.

Pimpinan

Selain itu, isu negara Islam ini telah ditimbulkan oleh Pas, bukan oleh Perdana Menteri, katanya.

"Tanggungjawab adalah kepada Pas manakala kerajaan BN di bawah pimpinan Perdana Menteri tidak perlu buat apa-apa komen atau lanjutan ke atas perkara yang digertak oleh Pas itu," katanya.

Katanya, isu ini terbit apabila Pas dengan taksubnya menggunakan konsep negara Islam dalam penentuan masa depan-

nya, semata-mata bkrpunca daripada angkara politik Pas dan bukan yang diterbitkan oleh Perdana Menteri.

Di Melaka, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, pemimpin Pas yang sengaja tidak mahu mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Beliau berkata, cabaran Fadzil itu memperlihatkan beliau "mudah lupa".

"Perdana Menteri beberapa kali telah menyebut Malaysia adalah negara Islam di Parlimen ketika perbahasan mahupun dalam ucapannya..." katanya pada majlis pelancaran Puteri UMNO negeri.

Katanya, kenyataan Fadzil itu sebagai menutup kelemahan Pas apabila Dr. Mahathir mahukan parti itu menyenarai-kan apakah yang dimaksudkan dengan negara Islam "ala-Pas".

Katanya, Pas lupa bahawa Malaysia kini telah menerima pengiktirafan sebagai negara Islam di kalangan negara-negara Islam di dunia.

"Mungkin pemimpin Pas lupa perlembagaan negara bahawa agama Islam adalah agama rasmi...kita juga menghormati agama-agama lain dan itulah yang menjadikan Malaysia harmoni tetapi Pas sememangnya mahukan negara sentiasa huru-hara," katanya.